

17 JAN 2001

EON-MAHATHIR

MAHATHIR NAFI KHBAR ANGIN EON KEHILANGAN FRANCAIS PENGEDARAN PROTON

SHAH ALAM, 17 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menafikan khabar angin bahawa Edaran Otomobil Nasional Bhd (EON) kehilangan francais bagi pengedaran kereta Proton.

Ianya disahkan oleh pengerusi EON Tan Sri Mohd Saleh Sulong yang berkata hari ini bahawa perkara itu dibangkitkan kepada Perdana Menteri ketika sesi dialog dengan usahawan Bumiputera, pada Isnin lalu.

"Apabila ditanya berhubung perkara itu, Perdana Menteri berkata ianya hanya khabar angin semata-mata dan kita tidak sepatutnya mempercayainya," katanya di majlis Hari Raya Eon, di sini, hari ini.

Khabar angin mengenai EON kehilangan francais pengedaran kereta Proton timbul tahun lalu berikutan kegagalan rundingan pemilikan EON oleh Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton).

Ketika ini, EON memegang hak penjualan model Proton Iswara, Wira saloon dan Perdana, manakala pengedaran model baru Waja dikongsi bersama dengan Proton Edar, anak syarikat milik penuh Proton.

Berikutan itu, Mohd Saleh menasihatkan semua kakitangan EON supaya tidak perlu bimbang dengan khabar angin yang tidak berasas itu dan sebaliknya menumpukan kepada peranan mereka sebagai pengedar kereta-kereta Proton.

"Kita perlu menangani situasi seumpama ini dengan bijak kerana Proton dan Eon masing-masing memerlukan di antara satu sama lain," katanya.

Sementara itu, Saleh berkata EON telah mencapai jualan tahunan 125,860 buah kereta Proton bagi tahun 2000, naik 11.48 peratus daripada 112,898 unit pada tahun sebelumnya.

Beliau mengaitkan peningkatan dalam prestasi itu kepada langkah-langkah yang diambil oleh pengurusan EON untuk merangsangkan jualan serta pemulihan ekonomi yang berjaya membawa kembali keyakinan pengguna.

Daripada jumlah itu, model yang mencatatkan jualan tertinggi adalah Iswara dengan 57,776 unit dan diikuti oleh Wira Sedan dengan 50,790 unit dijual.

Sementara itu model Perdana dan Perdana V6 mencatatkan jualan 11,587 unit tahun ini manakala Waja 5,717 unit.

Berbanding dengan angka 1999, jualan Iswara mencatatkan penurunan 12.07 peratus, Wira meningkat 17.86 peratus manakala Perdana V6, mencatatkan peningkatan ketara 333.45 peratus.

Sementara itu, bagi prestasi EON tahun ini, pengarah urusan EON Datuk Adzmi Abdul Wahab berharap dapat mencapai kejayaan yang lebih baik daripada sebelumnya tetapi menegaskan ianya banyak bergantung kepada faktor-faktor tertentu.

Apabila ditanya apakah faktor-faktor tersebut, beliau enggan menjelaskan dengan lebih lanjut kecuali menyatakan "kami perlu menyelesaikan beberapa perkara tertentu terlebih dahulu."

Selain itu, Adzmi berkata EON merancang untuk mengembangkan rangkaian jualan kereta terpakainya dengan menggalakkan wakil pengedarnya menyertai penerokaan itu.

Ketika ini, 52 cawangan jualan EON seluruh negara menawarkan perkhidmatan jualan kedua-dua kereta baru dan kereta terpakai daripada 123 wakil pengedar jualan francaisnya.

"Kami akan terus mengembangkan perniagaan kereta terpakai kerana terdapat potensi besar untuk dimanfaatkan. Tahun lalu, 4,500 unit dijual dan kami berharap dapat mengembangkan bahagian ini," tambahnya.

Adzmi juga berkata EON akan meningkatkan rangkaian pusat perkhidmatan francaisnya, terutama dalam bahagian baru untuk menyediakan bagi keperluan pemilik kereta Proton. -- BERNAMA

MOT FR ZK OS